

Moonlight Bay siap Ogos ini

Oleh ZAKI SALLEH
zaki.salleh@kosmo.com.my



Hartanah

BATU FERINGGI - Syarikat pemaju hartanah terkenal negeri ini, Ivory Properties Group (Ivory) berjaya menyiapkan projek kediaman eksklusif Moonlight Bay lebih awal dan ia bakal diserahkan kepada pembeli Ogos nanti.

Kediaman vila mewah berinspirasi rekabentuk Mediterranean yang terletak di Jalan Batu Feringgi itu menyajikan panorama indah pantai Batu Feringgi yang dibina di atas bukit seluas enam hektar.

Menurut Pengarah Projeknya, Murly Manokharan, pembinaan kediaman berterse di kawasan bercerun itu juga mematu standard tahan gegaran seperti mana yang digunakan di Amerika Syarikat dan Eropah.

"Dibina di kawasan bercerun dari aras laut, Moonlight Bay menggunakan teknologi kejuruteraan tempatan dan

Hong Kong yang mengambil kira aspek keselamatan.

"Binaan cerucuknya pula cukup kukuh dan mampu menampung beban bangunan yang memiliki ketinggian 10 tingkat," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Murly menjelaskan, projek kediaman tersebut berdensiti rendah kerana syarikat hanya membangunkan kira-kira 50 peratus sahaja daripada kapasiti sebenar selain menekankan aspek pemuliharaan persekitaran hijasunya.

Kediaman dengan ciri-ciri ala pusat perancangan ini meliputi pembinaan 70 unit vila mewah empat tingkat pada harga di antara RM2.7 juta hingga RM4.6 juta dan 20 unit kondominium vila mewah dengan harga permulaan RML38 juta seunit.

Selain kolam renang dan ruang gimnasium, setiap vila mewah yang berkeluasan di antara 3,800 meter persegi hingga 6,550 meter persegi itu dilengkapi lif.

Tambah Murly, hampir 70 peratus daripada kediaman kondominium vila itu sudah habis dijual manakala baki lapangan unit kediaman vila mewah bagi kuota bumiputera masih dibuka untuk jualan.

Menurutnya, projek yang memiliki nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM190 juta itu kini bernilai lebih tinggi iaitu di antara 30 hingga 50 peratus berbanding tiga tahun lalu ketika baru dilancarkan.

Memasuki fasa akhir projek tersebut, Moonlight Bay telah berjaya menarik pelabur dari Amerika Syarikat, Itali, Hong Kong dan Taiwan.

Murly memberitahu, 30 peratus daripada pembeli projek tersebut terdiri daripada pelabur asing.



PROJEK mewah Moonlight Bay, Batu Feringgi yang berada di lokasi strategik telah menarik perhatian pelabur asing dan tempatan.